

**KONFLIK BERSENJATA DI SEMPADAN
SABAH-KALIMANTAN TIMUR
PADA ERA KONFRONTASI
INDONESIA-MALAYSIA
1963-1966**



**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

**KONFLIK BERSENJATA DISEMPADAN
SABAH-KALIMANTAN TIMUR
PADA ERA KONFRONTASI
INDONESIA-MALAYSIA
1963-1966**

ABDUL RAHMAN BIN MAD ALI @ ABANG



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA**

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2012**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

- 1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
- 2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
- 3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
- 4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

19 Februari 2012

Abdul Rahman Bin Mad Ali @ Abang
PA2008-8430



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **ABDUL RAHMAN BIN MAD ALI @ ABANG**
NO.MATRIKS : **PA2008 - 8430**
TAJUK : **KONFLIK BERSENJATA DI SEMPADAN SABAH -
KALIMANTAN TIMUR DALAM ERA KONFRONTASI
INDONESIA - MALAYSIA 1963-1966**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
TARIKH : **19 FEBUARI 2012**
VIVA

DISAHKAN OLEH


1. PENYELIA UTAMA

En. Baszley Bee Bin Basrah Bee

Tandatangan

2. PENYELIA BERSAMA

En. Wan Shawaluddin Bin Wan Hassan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim. Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya yang memberikan kesihatan yang baik, masa dan kematangan fikiran untuk menyiapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Kajian ini mendedahkan penglibatan pasukan pertahanan dan keselamatan negara dalam Konfrontasi Indonesia- Malaysia. "Konflik Bersenjata Di Sempadan Sabah-Kalimantan Timur" ini amat besar ertinya kepada Sejarah Sabah khususnya dan Malaysia amnya. Ia merungkaikan hakikat sebenar situasi genting tentera Malaysia di kawasan sempadan. Jutaan terima kasih yang rasanya tidak mampu untuk dibalas hingga ke akhir hayat kepada penyelia utama Encik Baszley Bee Bin Basrah Bee diatas segala sokongan yang begitu besar dan bimbingan, idea, tunjuk ajar, teguran serta nasihat yang begitu berguna sepanjang kajian ini dijalankan.

Sekalung penghargaan kepada En.Wan Shawalludin Wan Hassan selaku penyelia bersama yang banyak memberikan sokongan, buah fikiran, nasihat serta panduan tidak terhitung harganya di atas segala sokongan, bantuan dan motivasi yang dicurahkan kepada penyelidik sejak dari awal penghasilan kajian ini dijalankan. Tidak dilupakan buat Prof. Dr. Sabihah Osman atas ehsan memberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat ini. Dekan Sekolah Sains Sosial yang lama Dr. Asmadi dan yang baru Prof. Madya Inon Sahaharuddin Abdul Rahman. Segala curahan ilmu dari tenaga akedemik dan bukan akedemik Universiti Malaysia Sabah akan saya abadikan dalam hati sanubari hingga akhirnya. Penghormatan yang teristimewa ini ditujukan khas buat keluarga Muhammad Ali Abdullah dan Siti Binti Pengiran Usman serta keluarganya yang menjadi asal usul kejayaan ini. Pencetus semangat Abg Din, Abg Run, Abg Man, Abg Mad, Abg Man, Abg Mizal, Kak Yah, Kak Sen, Kak Now, Kak Nie, Kak Ida, Kak Jue dan Nazara. Tidak dilupakan sahabatku, Abg Mus, Abg Man, Abg Jem, Ali, Adi, Aron, Aren, Budi, Faizal, Eko, Mawi Borneo dan Panji. Rakan bilik Pascasiswazah SSS dan bilik etnografi yang telah banyak memberi sokongan idea yang mahal nilainya. Akhir sekali kerjasama Pengarah Arkib Negeri Datuk Tiga Belas, Arkib Negara Cawangan Sabah dan Kuala Lumpur, Ketua Kampung Kalabakan, Pengawal Pos Tentera Di Kalabakan, RAMD ke-3 dan RAMD ke-7 di Semporna, Muzium Tentera Port Dickson, veteran Konfrontasi dan masyarakat sempadan yang ditemu bual. Turut menghulurkan bantuan ialah En.Rodzi, Kak Maria dan Sur di FSSK Universiti Kebangsaan Malaysia. Khas buat Kasman Bin Abdul Manan sekeluarga telah banyak membantu mendapatkan maklumat dari penduduk tempatan sepanjang kajian di Kalabakan.

Akhir kalam, hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat jasa kalian. Saya mengharapkan agar kajian ini dapat memperluaskan cakrawala budaya yang melandasi kesatuan, penyatuan dan perpaduan 'Bangsa Malaysia'. Semoga kajian ini dapat bermanfaat demi maruah Agama, Bangsa dan Negara di masa depan.

**ABDUL RAHMAN BIN MAD ALI @ ABANG
PA2008-8430**

ABSTRAK

Keengganan Sukarno mengiktiraf pembentukan Malaysia hasil cadangan Tunku Abdul Rahman telah menyebabkan Indonesia bertindak melancarkan Konfrontasi. Konfrontasi antara tahun 1963-1966 antara Malaysia dan Indonesia lebih terkenal dengan dasar Ganyang Malaysia. Konfrontasi bermula apabila Indonesia bertindak agresif di wilayah di Brunei, Sarawak dan Sabah. Penyusupan Tentera Penceroboh Indonesia (TPI) ini bermula ke atas wilayah Brunei dan kemudiannya menular ke Sarawak dan Sabah. Penyusupan ini turut dianggotai oleh Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dan tentera Sukarelawan Indonesia. Bermula September 1963 hingga Oktober 1966 berlaku banyak serangan ke atas wilayah di sempadan Sabah-Kalimantan Timur (Kaltim). Temubual dengan veteran Konfrontasi Indonesia-Malaysia, sumber arkib serta tentera turut digunakan. Kajian ini mendapati bahawa selain daripada tentera, sumbangan pasukan paramiliter Sabah di sempadan dalam membantu pasukan keselamatan juga turut diketengahkan. Malah kajian ini mendapati bahawa kawasan dominan berlaku penyusupan TPI lebih tertumpu di kawasan Residensi Tawau khususnya, Pulau Sebatik dan Kalabakan.



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

Sukarno's disapproval on the formation of Malaysia had resulted Indonesia to launch Confrontation. From 1963 to 1966, Indonesia had carried out its Crush Malaysia policy against Malaysia. Confrontation started with Indonesia's aggressive action in British territory namely Brunei, Sarawak and Sabah. The infiltration of the Indonesian Intrusion Army started in Brunei and later on spread to Sarawak and Sabah. The Indonesian Intrusion Army consisted of the Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) and the Indonesian Volunteer Army. From September 1963 until October 1966 many attacks were carried out at the Sabah-Kalimantan border. In collecting the data in this research, interviews with Malaysia-Indonesia's veterans were conducted and archival sources including the military were duly referred. The study concludes that besides the army, the contribution of the para-military forces at the Sabah-Kaltim border is also significant and hence should not be ruled out. The presence of many Indonesians in Tawau Residency namely on the Sebatik Island and Kalabakan was the main reason for the area to be chosen as the main area of intrusion by the Indonesian Intrusion Army.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI FOTO	xi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI PETA	xiv
SINGKATAN	xv
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif kajian	3
1.4 Lokasi Kajian	3
1.5 Skop Kajian	4
1.6 Kepentingan Kajian	5
1.7 Limitasi Kajian	5
1.8 Metodologi Kajian	6
1.9 Sorotan Literatur	9
1.10 Pembahagian Bab	26
BAB 2 : TERMINOLOGI	
2.1 Pengenalan	28

2.2	Konflik	28
	2.2.1 Konflik Bersenjata	32
	2.2.2 Konflik Bersenjata Antarabangsa	34
2.3	Persempadanan Sabah	38
2.4	Persempadanan Malaysia	44
2.5	Konsep Negara Bangsa Malaysia Dan Indonesia	44
2.6	Kepentingan Nasional	49
2.7	Perspektif Sarjana Mengenai Konfrontasi 1963-1966	55
2.8	Perspektif Kuasa Besar Terhadap Konfrontasi 1963-1966	60
2.9	Kesimpulan	62

BAB 3 : LATAR BELAKANG KONFRONTASI INDONESIA-MALAYSIA

3.1	Pengenalan	63
3.2	Konfrontasi	64
3.3	Perjanjian Pertahanan Malaysia-Britain	79
3.4	Angkatan Tentera Malaysia	84
3.5	Operasi Batalion RAMD Dalam Konfrontasi	89
3.6	Pasukan Paramilitari Malaysia	91
	3.6.1 <i>Senoi Praaq</i>	92
	3.6.2 <i>Borneo Border Scout</i>	93
	3.6.3 <i>Sabah Border Scout</i>	93
	3.6.4 <i>Home Guard</i>	94
	3.6.5 <i>Bultiken</i>	95
3.7	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia	97
	3.7.1 Operasi Dwikora	98
	3.7.2 Dwifungsi ABRI	102
3.8	Pasukan Paramiliter Indonesia	104
	3.8.1 Tentera Nasional Kalimantan Utara	104
	3.8.2 Kor Komando Operasi	106
3.9	Konfrontasi Di Sabah	107
3.10	Kesimpulan	110

BAB 4 : KONFLIK BERSENJATA DI SEMPADAN SABAH - KALTIM		
4.1	Pengenalan	112
4.2	Operasi Claret	112
4.3	Pulau Sebatik	115
4.4	Kalabakan	122
	4.4.1 Pertempuran Kalabakan 29 Disember 1963	124
	a. Sebelum Pertempuran	128
	b. Semasa Pertempuran	131
	c. Selepas Pertempuran	141
	4.4.2 Serangan Hendap 30 Disember 1966	144
	a. Sebelum Serangan	145
	b. Semasa Serangan	147
	c. Selepas Serangan	148
4.5	Bantul	152
4.6	Kabu	153
4.7	Long Pasia	154
4.8	Kesimpulan	157
BAB 5 : KRITIS SEJARAH		
5.1	Pengenalan	158
5.2	Taktik Dan Strategi	158
	5.2.1 Malaysia	159
	5.2.2 Indonesia	161
5.3	Tentera Malaysia Dan Komanwel	162
5.4	Maklumat Risikan Malaysia	163
5.5	Penglibatan Pasukan Paramiliter Malaysia	164
	5.5.1 <i>Home Guard</i>	165
	5.5.2 <i>Sabah Boudier Scout</i>	165
	5.5.3 <i>Bultiken</i>	166
5.6	Angka Korban Tentera Malaysia Dan Komanwel	167
5.7	Senjata Yang Digunakan Tentera Malaysia Dan Komanwel	168
5.8	Kawasan Dominan Berlaku Pertempuran	171

5.8.1	Residensi Tawau	173
5.8.2	Residensi Pendalaman	174
5.9	Pintu Masuk TPI Ke Sempadan Sabah	175
5.10	Faktor - Faktor Kejayaan Tentera Malaysia Dan Komanwel	178
5.10.1	Perhubungan Dengan Masyarakat Tempatan	178
5.10.2	Maklumat Risikan Malaysia	178
5.10.3	Bekalan Makanan Dan Logistik	179
5.10.4	Lokasi	179
5.10.5	Nilai Kesetiaan	180
5.11	Faktor- Faktor Kegagalan Indonesia	180
5.11.1	Persediaan Ketenteraan	181
5.11.2	Pergolakkan Dalam ABRI	181
5.11.3	Lokasi	182
5.11.4	Penolakkan Masyarakat Sempadan Sabah	182
5.12	Kesimpulan	183
	BAB 6 : PENUTUP	174
	BIBLIOGRAFI	191
	LAMPIRAN A : SUMBER MALAYSIA	207
	LAMPIRAN B : SUMBER INDONESIA	228
	LAMPIRAN C : KAWASAN KRITIKEL	237
	LAMPIRAN D : TPI DAN TENTERA SUKARELAWAN INDONESIA YANG BERJAYA DITAWAN	242
	LAMPIRAN E : PASUKAN PARAMILITER MALAYSIA DI SEMPADAN SABAH-KALTIM	247
	LAMPIRAN F : KUBU PERTAHANAN DI SEMPADAN SABAH-KALTIM	252
	LAMPIRAN G : SENJATA YANG DI GUNAKAN SEPANJANG OPERASI DI BORNEO	255
	LAMPIRAN H : VETERAN KONFRONTASI DI SEMPADAN SABAH- KALTIM	264
	LAMPIRAN I : TEMUBUAL BERSAMA DENGAN VETERAN KONFRONTASI DI SEMPADAN SABAH-KALTIM	275

SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 1.1 : Bendera TNKU	106
Foto 1.2 : Korps Marinir	107
Foto 1.3 : Dua Marinir Menjaga Tank Amfibi PT 76 Buatan Russia Yang Digunakan Ketika Konfrontasi Dwikora	121
Foto 1.4 : Kem Tentera Di Wallace Bay Pulau Sebatik Residensi Tawau, Sabah	121
Foto 1.5 : Kalabakan	116
Foto 1.6 : Sungai Kalabakan	145
Foto 1.7 : Strategi Serangan Hendap 30 Oktober 1966	146
Foto 1.8 : Mayat TPI Yang Pertama Yang Terkorban	149
Foto 1.9 : Mayat TPI Yang Kedua Yang Terkorban	149
Foto 2.0 : Mayat TPI Pertama Diangkat Dari Kawasan Pembalakan	150
Foto 2.1 : Mengangkat Mayat TPI Pertama	150
Foto 2.2 : Mengangkat Mayat TPI Kedua	151
Foto 2.3 : Mayat TPI di Angkut Ke Trak	151
Foto 2.4 : SBS Di Sempadan Malaysia Di Sabah	166
Foto 2.5 : Operasi Sigalayan No.4-65	233
Foto 2.6 : Departmen Angkatan Laut Komando Nunukan B.T.P.T. Kie "X"	235
Foto 2.7 : Departmen Angkatan Laut Korps Komando	236
Foto 2.8 : Sumantri Son Bin Osnem	243
Foto 2.9 : Tonda @ Amin Bin Ahmad	243
Foto 3.0 : Soepardjo Anak Kartodihardjo	244
Foto 3.1 : Marimin Arjo	244
Foto 3.2 : Amat Toha Bin Abdul Razak	245
Foto 3.3 : Sudarjo Kartosuwarno	245
Foto 3.4 : Mohamed Tojib Mattalattu Tangngari	246
Foto 3.5 : Kubu Pertahanan Di Sungai Kuning, Pulau Sebatik	253
Foto 3.6 : Kem Kalabakan Residensi Tawau, Sabah	253

Foto 3.7	: Kem Tentera Di Wallace Bay, Pulau Sebatik	254
Foto 3.8	: Kem Tentera Di Long Pasia	254
Foto 3.9	: Armalte AR15	256
Foto 4.0	: 7.62Mm L1a1 Slr	257
Foto 4.1	: L7A2 Gpmg	258
Foto 4.2	: L4A4 Bren Light Machine Gun	259
Foto 4.3	: Lee-Enfield.303 Rifle	260
Foto 4.4	: Sten Gun	260
Foto 4.5	: 9mm L2a3 Sterling Smg	261
Foto 4.6	: Remington 870	262
Foto 4.7	: Vickers 303in Heavy Machine Gun	262
Foto 4.8	: Claymore Mine	263
Foto 4.9	: Owen Sub-Machine Gun	263
Foto 5.0	: Veteran Home Guard Dewan Bin Husein	265
Foto 5.1	: Kedudukan Pos Yang Di Serang oleh TPI	266
Foto 5.2	: Antalai Anak Bangi	267
Foto 5.3	: Leftenan Kolonel (B) Malakan Bin Kamaruddin	268
Foto 5.4	: Veteran SBS, E Group, Koperal Linggan	269
Foto 5.5	: Garing	270
Foto 5.6	: Kaya Besar, Veteran SBS	271
Foto 5.7	: Pangeran Darung, Tukang Masak Gurkha	271
Foto 5.8	: Panos Labung Operator SBS, Long Pasia	272
Foto 5.9	: Ubol Anangkol Veteran SBS, Keningau	272
Foto 6.0	: Veteran SBS, Koperal Tongkol, Tenom	273
Foto 6.1	: Koperal Lampuk, Veteran SBS, Keningau	273
Foto 6.2	: Veteran Polis Haji Ruslan Bin Haji Juman <i>Special Branch,</i> Keningau	274

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1 : Anggota RAMD Ke-3 Yang Terkorban Semasa Pertempuran 29 Disember 1963	144
Jadual 1.2 : Daftar Senjata Yang Dirampas Oleh Pasukan Keselamatan Di Sabah September 1963-Mei 1964	170
Jadual 1.3 : Pertempuran Di Residensi Tawau, Sabah Oktober 1963 - Jun 1964	172
Jadual 1.4 : Pertempuran Di Residensi Pendalaman, Sabah Oktober 1963-Jun 1964	172
Jadual 1.5 : Pertempuran Di Kawasan Kalabakan Residensi Tawau Sabah Semasa Era Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1963-1966	226
Jadual 1.6 : Pertempuran Di Pulau Sebatik-Kaltim Residensi Tawau Sabah Semasa Era Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1963-1966	228
Jadual 1.7 : Senarai Anggota Bultiken Ketika Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1964 -1966	248
Jadual 1.8 : Senarai nama veteran SBS keningau ketika Konfrontasi Indonesia - Malaysia 1964-1966	250

SENARAI PETA

	Halaman
Peta 1.1 : Lokasi Kajian	4
Peta 1.2 : Kedudukan Kalabakan	129
Peta 1.3 : Serangan Hendap Kalabakan 30 Oktober	147
Peta 1.4 : Bantul	153
Peta 1.5 : Kabu	154
Peta 1.6 : Long Pasia	155
Peta 1.7 : Sabah	173
Peta 1.8 : Lokasi Strategik Konflik Bersenjata Di Residensi Tawau Sabah-Kaltim, Kem TPI Indonesia	176
Peta 1.9 : Lokasi Strategik Konflik Bersenjata Di Residensi Pendalaman Sabah-Kaltim, Kem TPI Indonesia	177



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

ASA	: <i>Association of Southeast Asia</i>
ABRI	: Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ALRI	: Angkatan Laut Republik Indonesia
AMDA	: <i>Anglo Malayan Defence Agreement</i>
ANZAM	: <i>Australia-New Zealand And Malayan Area</i>
ATM	: Angkatan Tentera Malaysia
AURI	: Angkatan Udara Republik Indonesia
BBS	: <i>British Boudier Scout</i>
BKR	: Badan Keamanan Rakyat
BNBCC	: <i>Borneo North British Chartered Company</i>
BULTIKEN	: Bulungan Tidung Kenyah
DWIKORA	: Dwi Komando Rakyat
FPDA	: <i>Five Power Defense Agreement</i>
GAM	: Gerakan Aceh Merdeka
Gestapu	: Gerakan 30 September
ICTY	: <i>International Criminal Tribunal For The Former Yugoslavia</i>
ICRIC	: <i>International Committee Of The Red Cross</i>
IHL	: <i>International Humaniter Law</i>
KALTIM	: Kalimantan Timur
KALBAR	: Kalimantan Barat
KEMENTAH	: Kementerian Pertahanan Malaysia
KKO	: Kor Komando Operasi Marinir Indonesia
KOTI	: Kor komando Operasi Tertinggi
KOYLI	: Kompeni <i>1st King's Own Yorkshire Light Infantry</i>
NBT	: North Borneo Timber
NKRI	: Negara Kesatuan Republik Indonesia
PAU	: Pasukan Angkatan Udara
PATI	: Pendatang Tanpa Izin
PBB	: Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu

PDRM	:	Polis Diraja Malaysia
PGA	:	Pasukan Gerakan Am
PGRS	:	Pasukan Gerakan Rakyat Sarawak
PGT	:	Pasukan Gerakan Tgepat
PKI	:	Parti Komunis Indonesia
PTM	:	Persekutuan Tanah Melayu
PPH	:	Pasukan Polis Hutan
PRRI	:	Pemerintah Revolusi Republik Indonesia
RAMD	:	Rejimen Askar Melayu Diraja
SAS	:	<i>Special Air Service</i>
SBS	:	<i>Sabah Border Scout</i>
SEATO	:	<i>Southeast Asia Treaty Organisation</i>
TDM	:	Tentera Darat Malaysia
TKR	:	Tentara Keamanan Rakyat
TNI	:	Tentera Nasional Indonesia
TNKU	:	Tentera Nasional Kalimantan Utara
TOR	:	<i>Terms Of Reference</i>
TPI	:	Tentera Penceroboh Indonesia
TRIKORA	:	Tri Komando Rakyat
TUDM	:	Tentera Udara Diraja Malaysia
UNCLOS	:	<i>United Nations' Convention On The Law Of The Sea</i>
ZEE	:	Zon Ekonomi Eksklusif

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963-1966 adalah satu peristiwa hitam dalam lipatan sejarah moden Dunia Melayu. Ia merupakan satu kesinambungan sejarah silam kedua buah negara. Hal ini dapat dilihat sejak Empayar Srivijaya, Singhasari, Majapahit dan Melaka setelah mencapai kemerdekaan dari cengkaman penjajah. Kedua-dua buah negara Melayu moden ini terus mewarisi persaingan pertuanan Alam Melayu. Pembentukan Malaysia telah menimbulkan konflik bersenjata Malaysia dan Indonesia sekitar tahun 1963 hingga tahun 1966. Keengganan Sukarno mengiktiraf Malaysia telah menyebabkan Indonesia bertindak agresif dan melancarkan Konfrontasi Indonesia - Malaysia atau dalam erti kata lain kempen *Ganyang* Malaysia. Konfrontasi Indonesia - Malaysia bukan sahaja melibatkan propaganda untuk menggagalkan pembentukan Malaysia, malahan lebih serius dengan terputusnya hubungan bilateral kedua buah negara.

Dalam menyatakan mengenai Konfrontasi Indonesia - Malaysia, ia tidak dapat lari dari membicarakan soal isu pertahanan dan keselamatan Malaysia yang baru sahaja mencapai kemerdekaan.¹ Hal ini memperlihatkan isu kedaulatan dan keselamatan bukanlah satu isu yang boleh diambil ringan. Ia banyak membabitkan maruah sebuah negara bangsa yang merdeka. Penyusupan Tentera Penceroboh Indonesia (TPI)² ke atas wilayah Malaysia Timur khususnya (Sabah dan Sarawak)

¹ Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein Dasar Luar Malaysia 1970-1976*, Penerbitan: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, 2003, hlm. 42.

² Penggunaan TPI adalah merujuk pada rejimen Sukarno yang terlibat dalam Konfrontasi Indonesia - Malaysia ini adalah gabungan ABRI dan Sukarelawan Indonesia. Justeru, adalah tidak sesuai jika istilah ABRI yang tidak terlibat secara total dalam peperangan yang tidak diisytiharkan ini. Sesetengah mula menggunakan TNI atau ABRI walhal Angkatan Bersenjata Indonesia belum lagi atau tidak akan terlibat dalam Konfrontasi penggunaan *Indonesia Border Terrorist* (IBT) juga digunakan oleh sarjana barat seperti Nick Van Der Bijl dalam bukunya, *Confrontation The War with Indonesia 1962-66*, Great Britain: Pen & Sword Military, 2007. Ia adalah lebih sesuai TPI digunakan sebagai merujuk kepada pasukan tentera rejim Sukarno yang melakukan pencerobohan secara rasmi ke atas wilayah kedaulatan Malaysia. Istilah ini lebih

telah mencetuskan ketegangan melibatkan ketenteraan antara Malaysia dengan Indonesia.

Kebanyakan perspektif sarjana Barat mengakuinya bahawa Konfrontasi Indonesia - Malaysia sebagai sebuah bentuk perang yang tidak pernah diisytiharkan.³ Semasa Konfrontasi Indonesia - Malaysia, pembabitian tentera luar khususnya British dan negara Komanwel telah membantu mempertahankan wilayah Malaysia. Kehadiran mereka bertujuan untuk membantu pasukan pertahanan dan keselamatan Malaysia yang masih dalam proses pembangunan ketika berhadapan dengan ancaman TPI di kawasan sempadan. Keadaan ini telah menimbulkan ketegangan melibatkan kedua belah pihak khususnya tentera Malaysia, tentera Komanwel ketika menentang penyusupan TPI di kawasan Sempadan Sabah-Kaltim. Menyedari hakikat itu, kajian ini menjadi satu wadah untuk merungkaikan hal tersebut bagi memperjelaskan realiti sebenar di Sempadan Sabah-Kaltim.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian lepas mengenai Konfrontasi Indonesia-Malaysia sebelum ini lebih banyak memfokuskan kepada hubungan Malaysia-Indonesia sahaja. Tumpuan hanya melihat bagaimana Konfrontasi itu berlaku, kemuncak dan usaha penyelesaiannya. Namun jika diteliti, Konfrontasi sebenarnya turut melakarkan sejarah ketenteraan kepada Malaysia. Hal ini demikian kerana Konfrontasi turut membabitkan penglibatan tentera Komanwel dan tentera Malaysia dalam pertempuran dengan TPI khususnya di kawasan sempadan. Konflik di kawasan sempadan ini seharusnya telah lama diketengahkan oleh Sarjana di Malaysia tanpa perlu melihat elemen

adil bagi ABRI kerana pasukan ini tidak harus dihukum sebagai pasukan yang menyerang wilayah Malaysia. Penggunaan TPI pada keseluruhan penulisan tesis ini dilakukan setelah mengambil kira elemen sensitiviti ABRI tidak berunsur negatif atau bias. Istilah ini dirujuk berdasarkan pelaku iaitu penyusupan tentera regim Sukarno bukan ABRI.

³ Lihat, James Harold dan Denis Sheil-Small, *The Undeclared War*, London: Leo Cooper, 1971; N. C. Smith, *Nothing Short Of War With The Australian Army In Borneo 1962-66*, Melbourne: Mostly Unsung, Military History Research & Publication, 1999; Nick Van Der Bijl, *Confrontation The War With Indonesia 1962-1966*, Great Britain: Pen & Sword Military, 2007.

sensitifnya. Konflik bersenjata di sempadan lebih signifikan dalam memperlihatkan usaha untuk mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia yang melibatkan pertempuran darah di awal pembentukannya. Konflik bersenjata yang berlaku di sempadan semasa era Konfrontasi memperlihatkan bahawa Malaysia bukan sekadar hasil perjanjian asas kertas putih sebagaimana dilakukan oleh sebilangan besar sejarawan. Persoalan kajian ini adalah bagaimana latar belakang Konfrontasi mengikut pandangan sarjana tempatan dan asing. Kedua, bagaimanakah realiti sebenar konflik bersenjata di sempadan. Akhir sekali, mengetengahkan veteran Konfrontasi yang terlibat dalam konflik bersenjata di sempadan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat konflik bersenjata yang berlaku di Sempadan Sabah-Kaltim. Objektif pertama, menjelaskan latar belakang Konfrontasi Indonesia Malaysia.⁴ Objektif kedua, membincangkan realiti sebenar konflik bersenjata di sempadan.⁵ Hal ini penting bagi mengenal pasti kawasan yang paling dominan berlaku pertempuran. Seterusnya, objektif ketiga ini membincangkan sumbangan pasukan paramiliter di Sempadan Sabah-Kaltim.⁶ Malah, aspek yang berkaitan dengan konflik bersenjata di sempadan ini hanya menjadi sisipan dalam kajian dan yang sedia ada.⁷ Gambaran bagaimana berlakunya konflik bersenjata secara kronologi di kawasan sempadan masih kurang jelas.⁸ Oleh yang demikian, hasil daripada kajian ini akan dapat mengetahui situasi yang berlaku di sempadan dengan lebih jelas dengan memfokuskan kawasan di Sempadan Sabah-Kaltim.

1.4 LOKASI KAJIAN

Lokasi kajian ini menumpukan beberapa kawasan yang terletak di Sempadan Sabah-Kaltim. Berdasarkan kedudukan geografi, kawasan ini merupakan di antara

⁴ Sebahagian dinyatakan dalam Bab 2.

⁵ Sebahagian dinyatakan dalam Bab 3, 4 dan 5.


⁶ *Ibid.*

⁷ *Ibid.*

⁸ *Ibid.*

kawasan yang paling hampir dengan kawasan Sempadan Sabah-Kaltim. Penelitian kepada kawasan ini bertepatan dengan pencerobohan dan pertempuran TPI banyak berlaku di kawasan tersebut. Antara kawasan yang menjadi fokus utama kajian ini ialah Pulau Sebatik, Kalabakan, Bantul, Kabu dan Long Pasia.

PETA 1.1: LOKASI KAJIAN



Sumber: Will Fowler, *Britain's Secret War The Indonesian Confrontation 1962-66*, Great Britain: Osprey Publishing, 2006, hlm.8.

1.5 SKOP KAJIAN

Skop dalam kajian ini memfokuskan kepada sejarah ketenteraan. Kajian ini menumpukan kepada konflik bersenjata yang berlaku di Sempadan Sabah - Kaltim dalam era Indonesia - Malaysia. Sementara itu, kajian ini pula bermula dari tahun 1963 hingga 1966. Penelitian ini berdasarkan kepada tiga tahun tempoh Konfrontasi di antara Indonesia - Malaysia berlangsung. Kajian ini menumpukan kepada beberapa kawasan di Sempadan Sabah-Kaltim iaitu Pulau Sebatik, Kalabakan, Bantul, Kabu dan Long Pasia.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting bagi mengetahui cabaran awal yang dihadapi oleh Malaysia dalam mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaannya. Ia amat penting kepada Sejarah Malaysia dan Sejarah Negeri Sabah ketika Konfrontasi. Situasi genting masyarakat Sempadan Sabah-Kaltim ini penting sebagai benteng pertahanan negara yang jarang sekali diketengahkan oleh sarjana di Malaysia. Masalah pertahanan dan keselamatan di kawasan sempadan tidak disandarkan kepada pihak berkuasa sahaja. Hal ini demikian kerana masyarakat yang tinggal di kawasan Sempadan Sabah - Kaltim juga turut memainkan peranan yang sama penting sebagai '*double layer*'. Penekanan ini mempunyai signifikan dengan 'nilai kesetiaan' masyarakat dan 'identiti' sebenar mereka turut diberikan kekuatan utama dalam aspek pertahanan dan keselamatan negara. Akhir kajian ini ia dianggap penting untuk mengisi kelompangan kajian berkenaan dengan konflik bersenjata di Sempadan Sabah-Kaltim semasa Konfrontasi Indonesia - Malaysia. Sebelum ini penulisan mengenai sejarah pendudukan Jepun 1942-1945, Darurat 1948-1960 dan kebangkitan semula Komunis 1969-1980 ada dinyatakan dalam Sejarah Malaysia. Namun begitu, terdapat kelompangan kajian berkenaan Konfrontasi khususnya konflik bersenjata di Sempadan Sabah-Kaltim. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan memberikan penjelasan tersebut kepada masyarakat sempadan Sabah dan Malaysia. Hal ini penting agar pengetahuan mengenai hal pertahanan dan keselamatan negara tidak boleh dianggap remeh oleh sesetengah pihak. Sejarah tidak pernah menipu tentang apa yang telah berlaku pada masa lalu dan membuktikan bahawa negara pernah melalui detik cemas itu.

1.7 LIMITASI KAJIAN

Limitasi kajian ini akan menjelaskan beberapa kekangan yang dihadapi sepanjang kajian ini dijalankan. Terdapat beberapa perkara yang menjadi halangan yang membataskan kajian ini. Salah satunya ialah dokumen sulit kerajaan. Dokumen ini menjadi rahsia pertahanan negara tidak dapat dirujuk tanpa kebenaran pihak berwajib kerana melibatkan isu pertahanan dan keselamatan negara. Hanya terdapat dokumen tertentu yang dapat dirujuk. Maklumat berkaitan adalah isu

sensitif yang tidak mudah untuk didedahkan khususnya dalam hal pertahanan dan keselamatan Indonesia.

Kedua, kesukaran menjejaki veteran Konfrontasi khususnya dari Tentera Malaysia amnya dan pasukan paramiliter yang masih hidup agak terhad. Sebahagian besar mereka berada dalam lingkungan usia yang agak lanjut dan tinggal di kampung halaman masing-masing selepas tamat perkhidmatan. Dalam usaha mendapatkan maklumat dari tentera khususnya tentera Indonesia, kajian ini banyak bergantung kepada sumber sekunder seperti kajian banyak bergantung kepada buku yang memerihalkan situasi di Sempadan Sabah-Kaltim.

Malah, lokasi kajian ini agak jauh di kawasan pedalaman di Sempadan Sabah-Kaltim yang membataskan pergerakan pengkaji. Lokasi kajian yang dimaksudkan ialah Bantul, Kabu. Kawasan ini hanya dapat dihubungi dengan kemudahan logistik seperti pacuan empat roda dan bot sahaja. Oleh itu, kajian ini banyak memperolehi maklumat daripada veteran Konfrontasi yang pernah bertugas di kawasan tersebut.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merujuk kepada kaedah-kaedah yang akan dilakukan dalam menyiapkan kajian ini. Kerangka sejarah dalam menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah terlebih dahulu perlulah merujuk kepada kajian perpustakaan. Oleh itu, kajian ini melibatkan kajian kepustakaan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Tun Fuad Stephen, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Perpustakaan Negeri Sabah, Cawangan Tawau. Malah, turut merujuk kepada Arkib Negeri Sabah, Arkib Negara Malaysia Cawangan Negeri Sabah, Kem 5 Brigader Lokawi, Muzium Tentera Darat Port Dickson, Majlis Keselamatan Negara Di Jabatan Perdana Menteri (MKN), Cawangan Sabah dan Kementerian Pertahanan Malaysia (KEMANTAH).

Kajian ini menggunakan sumber primer. Kaedah ini diperolehi melalui rekod-rekod, laporan kerajaan, ucapan-ucapan pemimpin, surat khabar dan koleksi peribadi pelaku sejarah. Sumber ini penting bagi melihat akan kebenaran fakta